

D765

U B698 AAB  
KEMUNCAK - SEKRETARIAT R'R'R'

KUALA LUMPUR, 1 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA TELAH MENCADANGKAN PENUBUHAN SEBUAH SEKRETARIAT BAGI 15 NEGARA MEMBANGUN DI SELATAN YANG KETUA-KETUA KERAJAAN MEREKA HARI INI MEMULAKAN PERSIDANGAN KEMUNCAK PERTAMA SELAMA TIGA HARI DI SINI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PADA UCAPAN PERASMIANNYA JUGA BERJANJI SOKONGAN MALAYSIA KEPADA PENUBUHAN SEBUAH SEKRETARIAT SEUMPAMA ITU DALAM USAHA UNTUK MEMUJUDKAN PENYELARASAN YANG LEBIH FORMAL DI KALANGAN NEGARA-NEGARA SELATAN.

KATANYA, SEKRETARIAT ITU TIDAK PERLULAH SEBUAH ORGANISASI YANG BESAR TETAPI CUKUP SEKADAR MEMPUNYAI JUMLAH KAKITANGAN YANG MINIMUM DAN BELANJAWANYANG SEDERHANA.

BELIAU BERKATA, SEDANG NEGARA-NEGARA DI UTARA LENGKAP UNTUK MENGHADAPI SEBARANG KEMUNGKINAN DAN AKHIRNYA MUNCUL LEBIH TERATUR, NEGARA-NEGARA SELATAN PULA TIDAK MEMILIKI SATU APA YANG BOLEH DISAMAKAN DENGAN YANG DIMILIKI OLEH NEGARA-NEGARA PERTUBUHAN KERJASAMA EKONOMI DAN PEMBANGUNAN (OECD).

+DENGAN PENEKANAN KINI KEPADA PERBEZAAN UTARA-SELATAN DAN TIDAK LAGI PERBEZAAN TIMUR-BARAT MAKA KEPERLUAN BAGI PENYELARASAN YANG LEBIH FORMAL DI SELATAN AMAT KETARA. -- LAGI.

1501MST 01 06 90

D767

U B700 AAB  
KEMUNCAK - SEKRETARIAT 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

+SEKIRANYA KITA HENDAK BERTINDAK SECARA POSITIF SEBAGAI HASIL PERSIDANGAN INI MAKA SUDAH PASTI KEWUJUDAN SEBUAH SEKRETARIAT ADALAH DIPERLUKAN,+ KATANYA.

KETIKA MERUJUK KEPADA SURUHANJAYA SELATAN YANG DIKETUAI OLEH BEKAS PRESIDEN TANZANIA, DR JULIUS NYERERE YANG TELAH MEMUJUDKAN ASAS BAGI PENUBUHAN G-15, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA KINI TELAH SELESAI MENJALANKAN TUGASNYA DAN TELAH MENGEMUKAKAN SEBUAH LAPORAN.

TANPA MEMBERITAHU TENTANG CADANGAN-CADANGAN DALAM LAPORAN ITU, BELIAU BERKATA, APA YANG LEBIH PENTING IALAH NEGARA-NEGARA SELATAN TIDAK HARUS MEMBENARKAN KUMPULAN ITU MENJADI SATU LAGI USAHA PERTEMUAN TANPA SEBARANG TINDAKAN SUSULAN.

APA YANG PENTING IALAH BAGI MEREKA BERTINDAK UNTUK MENGGERAKKAN PROSES YANG AKAN MENJADIKAN USAHA SELATAN INI BERMAKNA DAN PRODUKTIF. -- BERNAMA.

1504MST 01 06 90